

## SIARAN MEDIA

### RM3.4 JUTA PERUNTUKAN INISIATIF BELANJAWAN MADANI UNTUK PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGGALAI DI KELANTAN

---

**MACHANG, 24 Julai 2023** – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) meneruskan agenda turun padang bagi melihat perkembangan terkini serta situasi sebenar projek perumahan swasta terbengkalai di seluruh negara. Pasukan KPKT hari ini telah meninjau dua projek perumahan swasta terbengkalai di Negeri Kelantan iaitu Desa Sri Hawa dan Taman Animaz, Machang.

**Projek Desa Seri Hawa** di daerah Machang, Kelantan merupakan projek perumahan yang terdiri daripada 18 unit rumah teres, lima (5) unit rumah sesebuah dan lapan (8) unit rumah berkembar satu (1) tingkat dengan kemajuan keseluruhannya telah mencapai 97.5% siap. Namun begitu, projek ini gagal memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance* - CCC) atau Sijil Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness for Occupation* - CFO) dalam tempoh yang ditetapkan. Justeru, projek ini telah diisytiharkan terbengkalai pada tahun 2021. Kegagalan mendapatkan CCC/CFO adalah disebabkan oleh pemaju tidak dapat menyediakan sistem saliran yang sempurna, kemudahan surau serta taman permainan seperti mana yang disyaratkan oleh Majlis Daerah Machang.

Manakala **Projek Taman Animaz** yang telah diisytiharkan terbengkalai pada tahun 2022 pula, terdiri daripada 24 unit Rumah Teres Satu (1) Tingkat dan telah mencapai 100% siap. Walau bagaimanapun, sebahagian besar unit telah diduduki tanpa kelulusan CCC atau CFO kerana pemaju tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Pemaju asal projek ini telah dibubarkan berkuatkuasa pada 19 November 2019 dan tidak dapat meneruskan pemajuan ini.

Sehingga 31 Mei 2023, keseluruhan projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak **112 projek** dan **20 projek** tersebut adalah di Kelantan yang melibatkan 1,140 unit rumah. Sebanyak **RM20 juta di bawah peruntukan tahunan dan Inisiatif Belanjawan MADANI 2023** telah diumumkan bagi pemulihan projek perumahan terbengkalai. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak **RM3.4 juta secara one-off telah diperuntukkan bagi pemulihan enam (6) projek terbengkalai di Negeri Kelantan.**

Meskipun pemaju bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyiapkan projek perumahan swasta tersebut, Kerajaan MADANI telah bersetuju menyediakan peruntukan Kerajaan ini sebagai tanggungjawab sosial dengan mengambil kira bebanan rakyat iaitu pembeli rumah yang sudah lama terkesan. Ini penting bagi memastikan projek-projek tersebut memperolehi CCC atau CFO supaya rumah kediaman tersebut disahkan selamat untuk diduduki.

Peruntukan ini akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan kerja-kerja pemulihan akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) iaitu agensi di bawah Kerajaan Negeri. KPKT juga akan meneruskan pemantauan berterusan bagi memastikan semua kerja-kerja pemulihan melibatkan keseluruhan enam projek tersebut berjaya disiapkan menjelang akhir tahun 2024.

Sesi libat urus dengan agensi-agensi teknikal juga turut dipergiatkan bagi mencari penyelesaian terhadap isu-isu teknikal yang menjejaskan penyiapan projek-projek perumahan swasta yang lewat, sakit dan terbengkalai. Justeru, KPKT amat berharap agar kerjasama erat antara agensi teknikal dan pihak berkuasa negeri dapat menangani masalah yang dihadapi oleh projek lewat, sakit dan terbengkalai di seluruh negara secara lebih efektif demi menjamin kebajikan pembeli-pembeli perumahan yang terjejas.

Sesi lawatan kerja ini dihadiri oleh Puan Norsazila binti Nordin, Timbalan Ketua Pengarah (Perumahan Swasta) Jabatan Perumahan Negara; Tuan Hishamuddin Hussein, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (Hal Ehwal Korporat) PKINK, serta Pegawai-Pegawai Kanan KPKT dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

*#MalaysiaMadani*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertiwi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

